



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN MARDIANA BINTI MAT  
USAHAWAN BATIK**

**OLEH:**

**IHSSAN AL AMINN BIN HAZIZI            2013926441  
MOHAMAD JEFRY BIN PAHRULRAZI   2013368867**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JUL 2015)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN MARDIANA BINTI MAT  
USAHAWAN BATIK**

**OLEH:**

**IHSSAN AL AMINN BIN HAZIZI                    2013926441**

**MOHAMAD JEFRY BIN PAHRULRAZI   2013368867**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JUL 2015)**

# PENGHARGAAN

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi syukur kami panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurniaNya, kami berjaya menyempurnakan tugas Sejarah Lisan (Oral History) ini dengan sebaiknya. Setelah menempuhi pelbagai halangan dan cabaran sebelum, semasa dan selepas sesi temubual bersama tokoh, berkat pertolongan Ilahi, segalanya dapat diatasi dengan jayanya. Tidak ketinggalan segala kekangan masa untuk menyiapkan tugas ini telah mengajar kami untuk menjadi insan yang lebih sabar dan peka dalam menyiapkan setiap tugas yang diberi.

Jutaan terima kasih kami huluskan kepada mereka yang telah banyak membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Terima kasih yang teristimewa kami ucapkan kepada pensyarah kami, Puan Annisa Binti Abdullah yang telah membimbing kami bagi subjek IMR 604 – Documentation of Oral History (pendokumentasian Sejarah Lisan). Tanpa tunjuk ajar dari beliau sudah tentu kami tidak dapat menyiapkan tugas ini dengan sempurna.

Jutaan terima kasih juga kami ucapkan kepada tokoh yang amat kami kagumi dan sanjung, Puan Mardiana Binti Mat yang sudi meluangkan masa beliau untuk bersama kami dalam berkongsi pengalaman beliau dalam perniagaan dan perusahaan batik. Tanpa kesudian beliau sudah tentu tugas ini tidak dapat disempurnakan dengan jayanya.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibubapa kami yang sentiasa memberikan sokonganyang tidak pernah putus dalam apa jua yang kami lakukan dan ceburi. Yang terakhir, kami ingin ucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kami yang turut menghulurkan bantuan dan tunjuk ajar kepada kami dalam menyiapkan tugas ini.

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Subjek IMR 604 (Oral History) memerlukan pelajar untuk menemubual seorang tokoh yang berpengalaman dalam bidang yang mereka ceburi. Seperti yang telah ditetapkan oleh fakulti dalam memenuhi syarat subjek pelajar perlu mencari seorang tokoh. Bagi menyelesaikan tugas ini, kami (Mohamad Jefry dan Ihssan Al Aminn) telah menemubual seorang tokoh bernama Mardiana Bt. Mat yang berkecimpung bidang perniagaan dan perusahaan batik. Beberapa soalan telah dibuat untuk diajukan kepada tokoh tersebut. Soalan-soalan yang dibuat merujuk kepada beberapa topik utama seperti latar belakang peribadi, pendidikan, pengalaman pekerjaan, bidang yang diceburi, penglibatan tokoh dalam bidang tersebut, pencapaian dan sumbangan tokoh dalam bidang tersebut. Diakhir temubual tersebut, tokoh juga diminta untuk memberi sedikit pandangan atau pendapat beliau mengenai bidang yang mereka ceburi.*

**Kata kunci:** *Mardiana Bt. Mat, latar belakang peribadi, pendidikan, pengalaman pekerjaan, bidang yang diceburi, penglibatan tokoh dalam bidang tersebut, pencapaian dan sumbangan tokoh.*

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN .....	i
ABSTRAK .....	iii
ISI KANDUNGAN .....	v
BIODATA TOKOH .....	1
Pengenalan .....	3
Transkrip .....	5
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH .....	6
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN .....	9
BAHAGIAN 3: PENGALAMAN PEKERJAAN .....	13
BAHAGIAN 4: BIDANG PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN BATIK.....	17
BAHAGIAN 5: PENGLIBATAN TOKOH DALAM BIDANG YANG DICEBURI .....	34
BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN ATAU PENANUGERAHAN DAN SUMBANGAN TOKOH.....	38
BAHAGIAN 7: PENDAPAT, PANDANGAN ATAU NASIHAT TOKOH .....	41
LAMPIRAN .....	52
LOG WAWANCARA .....	53
DIARI KAJIAN.....	60
SOALAN TOKOH .....	63
RUJUKAN .....	71
RUJUKAN .....	72
INDEKS .....	73



# BIODATA TOKOH

## BIODATA TOKOH



**Nama :** Mardiana Binti Mat

**Umur :** 32 tahun

**Tempat lahir :** Kota Bharu, Kelantan

**Tempat tinggal :** Kota Bharu, Kelantan

**Status :** Berkahwin

**Bilangan ahli keluarga :** 4 orang anak

**Pekerjaan :** Pemilik Diana Batik

**Bidang diceburi :** Perniagaan dan pengusaha batik

**Nama syarikat :** Diana Batik

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Mardiana Bt. Mat dilahirkan di Kubu Maras, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1983. Merupakan anak keenam dari 10 orang adik-beradik. Beliau ialah anak kepada pengasas dan pengusaha, Salmah Serunding. Puan Diana mula mendapatkan pendidikan di sebuah Tadika Pei Chi (Cina). Kemudian menyambung pelajaran beliau ke sekolah rendah jenis kebangsaan cina di Kota Bharu. Kemudian beliau menyambung pelajaran beliau di peringkat menengah di sekolah menengah jenis kebangsaan cina. Beliau memulakan penglibatan beliau dalam bidang pekerjaan selepas habis tingkatan 5 apabila beliau membantu ibu beliau dalam membuat serunding. Beliau juga turut melibatkan diri dalam perniagaan emas yang dimiliki oleh ayah beliau. Beliau mula terlibat dalam perusahaan batik apabila mula mengenali beliau yang juga seorang pengusaha batik. Perusahaan batik beliau bermula dengan modal sebanyak RM 15000 yang di pinjam dari ibunya bagi membuka sebuah kedai kecil di Kota Bharu. Melalui keuntungan yang diperolehi, beliau meluaskan lagi perusahaan batik dengan membuka empat buah kilang memproses kain batik. Hasilnya dengan perniagaan dan perusahaan batik beliau berjaya menembusi pasaran lua, apabila terdapat tempahan dari negara Brunei. Kejayaan ini mendorong beliau untuk terus maju ke hadapan dengan membawa perniagaan batik sebagai salah satu perniagaan warisan keluarga.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang kehidupan Puan Mardiana Binti Mat, seorang pengusaha batik di Kota Bharu, Kelantan. Temubual diadakan di rumah beliau di Kubu Maras, Kota Bharu, Kelantan. Temubual mengambil masa selama 1 jam 22 minit. Segala perbualan telah diraman melalui pita rakaman bersuara dan turut dirakam di dalam bentuk video bagi memudahkan proses merekod semula temubual tersebut. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

PM: Puan Mardiana

MJ: Mohamad Jefry

IH: Ihssan

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**MJ : Boleh Puan ceritakan siapa nama puan dan apa gelaran puan dalam keluarga?**

**PM : Nama Mardiana Binti Mat.**

**MJ : Dalam keluarga tu [itu] selalu panggil apa?**

**PM : Panggil "Na" macam *tu* [itu] lah.**

**MJ : Berapa umur puan?**

**PM : *Tiga puluh dua* [32] ... (*ketawa*).**

**MJ : Dimanakah tempat asal kelahiran puan?**

PM : Asal Kota Bharu.

**MJ : Berapa bilangan adik-beradik puan?**

PM : *Sepuluh* [10].

**MJ : Puan anak yang keberapa?**

PM : Anak *ke-enam* [6].

**MJ : Anak yang pertama *tu* [itu] *disini* [Kota Bharu] ke?**

PM : Adik-beradik, dekat Jertih *dua* [2] orang yang lain semua dekat Kota Bharu lah.

**MJ : Tempat tinggal puan dekat sini [Kota Bharu] lah, kalau kampung *tu* [itu] dekat mana pulak?**

PM : Kampung, belah saya *sini* [Kota Bharu] jugak, dekat Kubu Maras itu kan.

Lepas *tu* [itu] *hak* [kampung] *Husband* [suami], Thailand.

**MJ : Kalau umur suami puan pulak berapa agak-agaknya?**

PM : *Tiga puluh tujuh* [37].

**MJ : Lepas *tu* [itu], kalau umur anak puan yang pertama *tu* [itu] umur berapa? Yang sulung.**

PM : Yang sulung sebelas tahun, lepas *tu* [itu] yang nombor *dua* [2] *tu* [itu] *sembilan* [9] tahun, nombor *tiga* [3] *empat* [4] tahun...eh... *lima* [5] tahun...lepas *tu* [itu] *hok* [anak] kecil *tu* [itu] *sembilan* [9] bulan.

MJ : Kalau yang suami *tu* [itu] asalnya dari mana?

PM : Thailand lah...Patani.

MJ : Macamana puan boleh berjumpa dengan suami?

PM : (*Ketawa*) dulu dia tinggal dengan pak saudara dia...kerja dengan pak saudara lah.

MJ : Pekerjaan suami yang lama?

PM : Asal dia jual batik jugak...jual batik.

MJ : Apa hobi puan masa lapang? Selain daripada pergi ke kilang menguruskan perusahaan, apa lagi hobi puan?

PM : (*Ketawa*) ...Duduk dengan anak-anak.

MJ : Okay,selalu kalau macam puan meluangkan masa lah, selalu kemana? Keluar ke KB[Kota Bharu], meluangkan masa dengan keluarga.

PM : Biasa bawak anak-anak pergi jalan-jalan macam *tu* [itu] jelah.

TAMAT BAHAGIAN 1



## **BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN.**

**MJ : Boleh puan ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan.  
Maknanya, pada mulanya dimana?**

**PM : Tadika cina, memang saya sekolah cina lah...Tadika Pei Chi sampai tadika  
sampai darjah enam [6]...naik menengah tu [itu] Sekolah Chong Cheng, pun  
sekolah cina jugak, daripada remove [peralihan] sampai tingkatan lima [5]  
lah.**

**MJ : Tak [tidak] rasa janggal bila melayu ke sekolah cina?**

**PM : Tak [tidak] biasa...(ketawa). Tak tau lah, bagi kita [saya] biasa sama je.**

**MJ : Memang keluarga hantar ke sekolah cina ke memang kat [dekat] situ  
tak [tidak] ada sekolah [melayu]?**

**PM : Tak [tidak] memang, kiranya keluarga lah hantar. Abang pun sekolah cina  
jugak. Ada adik-beradik tu [itu] tiga-empat orang jugak lah sekolah cina.**

**MJ : Tak [tidak] rasa lain daripada yang lain ke?**

**PM : Saya rasa suka lagi sekolah cina kot (ketawa).**

**MJ : Apa yang membuatkan puan rasa ke sekolah cina tu [itu] rasa  
seronok?**

- PM : Sekolah cina macamana eh...disiplin dia pun...rasa lain la dengan sekolah kebangsaan.
- MJ : Sekolah cina tu [itu] dekat sini ke tau kat [dekat] lain?
- PM : Dekat Kota Bharu jugak.
- MJ : Okay, apa pencapaian tertinggi dalam bidang akademik puan?
- PM : Sampai ke tingkatan *lima* [5]. Lepas tu *tak* [tidak] da dah. Habis tingkatan *lima* [5] tolong mak buat serunding apa *tu* [itu].
- MJ : Kalau dekat bangku sekolah, biasalah kalau dekat bangku sekolah *ni* [ini] kita banyak aktiviti kita, *join* [menyertai] apa semua. *So* [jadi], apakah jawatan-jawatan, kenangan-kenangan lama yang puan masih ingat sampai sekarang mengenai berpersatuan?
- PM : Masuk persatuan...persatuan *kita* [pelajar Islam]...kalau hok orang Islam wajib masuk *Bakti Islam* [persatuan]. Kiranya untuk orang Islam, orang melayu kita kan. Disitu la berkumpulnya...pelajar-pelajar Islam *tu* [itu]. Sekolah cina *ni* [ini] *tak* [tidak] ramai, kalau macam...*form five* [tingkatan lima] *tu* [itu] ada dalam dua puluh orang, tiga puluh orang pelajar melayu lah. *Dia* [pelajar] *tak* [tidak] ramai sangat lah
- MJ : Tapi kalau belajar tu [itu] campur lah cina dan melayu?
- PM : Belajar campur lah cina dan melayu.

- MJ** : **Okay, macam dulu lah...macam kita tawu lah dulu macam mula puan mula kehidupan tu [itu] macam agak susah ke, dari keluarga yang susah la pada mulanya?**
- PM** : *(Berpikir)* **macamana eh...(ketawa)...(berfikir)**
- MJ** : **Maksudnya kat [dekat] situ, keluarga puan adakah dari segi orang yang berada ataupun orang yang sederhana?**
- PM** : *Nak* [hendak] **kata berada...sederhana lah.**
- MJ** : **Macam ketika tu [itu] lah, masa?**
- PM** : **Kiranya lepas sekolah tu [itu] lepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] tu [itu] terus tolong mak...buat kerja lah.**
- MJ** : **Perusahaan mak [Salmah Serunding] memang dah [sudah] lama dah [sudah]?**
- PM** : **Lama dah [sudah]...daripada *(berfikir)*...arwah atok [datuk] lagi buat serunding tu [itu] kan...daripada arwah atok [datuk] lagi buat lepas tu [itu] sekarang mak ambil alih. Sekarang ni [ini] adalah adik-adik pulak yang tolong kan.**
- MJ** : **Kiranya tu [itu] perusahaan warisan?**
- PM** : **Kiranya perusahaan keturunan...warisan.**

- MJ** : **Okay, bagaimana kelangsungan...mungkin masa kita [puan] belajar tu [itu] ada kesusahan, sekolah jauh ape semua? Kesusahan ketika nak [hendak] mendapatkan...nak [hendak] ke sekolah tu [itu] ke?**
- PM** : *Tak [tidak] dok [ada]...tak [tidak] dok [ada] masalah lah. Sekolah tak [tidak] jauh.*
- MJ** : **Okay, dalam mendapatkan pendidikan lah, siapa yang selalu mendorong puan?**
- PM** : *Orang tua [ibu dan bapa] kita la (ketawa).*
- MJ** : **Okay, dalam bidang pendidikan lah, tahap pendidikan tertinggi tu [itu] masa tu [itu] dan sekarang?**
- PM** : *Hemm..SPM [Sijil Pelajaran Malaysia].*
- MJ** : **Ketika di bangku sekolah, siapakah idola puan?**
- PM** : *(berfikir)...(ketawa)...mak.*
- MJ** : **Pada tahun berapa puan mula dapatkan pendidikan?**
- PM** : *Last [akhir] tu [itu] tahun 2000. Tahun 2000 last [akhir] SPM [Sijil Pelajaran Malaysia].*

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### BAHAGIAN 3: PENGALAMAN PEKERJAAN.

**MJ** : Bidang pekerjaan yang mula-mula sekali puan ceburi selepas tamat persekolahan?

**PM** : *Tak* [tidak] *dok* [ada]. Saya tolong mak saya buat serunding, kiranya semua saya buat lah.

**MJ** : Kiranya ada jugak ilmu membuat serunding?

**PM** : Ha...boleh lah...kiranya ada jugak...berapa tahun eh...(berfikir)... dalam...sebab tolong mak *ni* [ini] daripada zaman sekolah lagi...masa cuti-cuti sekolah ke, hari sekolah pun kadang-kadang tolong jugak ha

**MJ** : Kiranya, mak ambil perusahaan *tu* [itu] *dah* [sudah] lama?

**PM** : *Dah* [sudah] lama dah.

**MJ** : Sebelum mak ambil perusahaan *tu* [itu] ada orang lain ambil perusahaan *tu* [itu]?

**PM** : Saudara pun ada buat serunding situ...situ memang kawasan serunding...zon serunding lah situ *tu* [itu].

**MJ** : Adik-beradik lah yang menguruskan perusahaan sekarang?

**PM** : Sekarang adik lah...adik ada jugak tolong usahakan.

**MJ** : Tempat bekerja *tu* [itu] dekat situ jelah?

**PM** : Tempat berkerja *tu* [itu] dekat situ jelah.

**MJ** : Selain dari tolong mak *tu* [itu] ada *tak* [tidak] buat kerja lain?

**PM** : Lepas tolong mak *tu* [itu]...*kita* [keluarga] ada kedai emas dekat Kota Bharu *tu* [itu]...lepas dari tolong mak *tu* [itu], dia suruh saya pergi jual emas lah. Kiranya, saya *start* [mula] jual emas *ni* [ini] dalam *dua* [2] tahun, *tiga* [3] tahun lepas *tu* [itu].

**MJ** : Kedai emas *tu* [itu] ada warisan ke?

**PM** : Ayah...sebab ayah dulu dia asal tukang emas...tukang buat emas...buat cincin *pe* [apa] smua.

**MJ** : Kedai *tu* [itu] masih ada lagi sekarang?

**PM** : Sekarang kedai emas *tak* [tidak] ada dah...saya buat batik tukar *dah* [sudah] *tu* [itu].

**MJ** : Ke *still* [masih] ada lagi yang mewarisi?

**PM** : Ada...abang...dekat Jertih la. Ada *dua* [2] kedai emas.

**MJ** : Mereka juaga ada ilmu membuat emas?

PM : Ada...ilmu pertukangan la.

MJ : **Okay, bagaimana kehidupan puan ketika bekerja?**

PM : Biasa lah...duduk dengan keluarga.

MJ : **Adakah puan tidak dibenarkan untuk bekerja selain dari menolong emak?**

PM : *Tak* [tidak] memang *tak* [tidak] pernah mintak pun.

MJ : **Tapi memang mak *tak* [tidak] bagi?**

PM : *Tak*[tidak].

MJ : **Dalam perusahaan serunding *tu* [itu] adakah memberi kesan kepada kehidupan puan?**

PM : Sebab...(berfikir)...serunding *ni* [ini] berapa tahun eh, sekejap saja. Sekajap pun, daripada zaman sekolah memang *start* [mula] naik sekolah menengah *tu* memang *kita* [saya] tolong. Jadi kita dah *tawu* [tahu] nak buat apa semua, jual...pasar pun memang dekat kedai *tu* [itu] kan. Cuma kalau ada *customer* [pelanggan] mintak *tu* [itu] baru kita hantar.

MJ : **Kiranya, dari situ lah puan belajar berniaga?**

PM : Dari situ lah belajar meniaga semua *tu* [itu] lah.

**MJ** : Okay, sepanjang puan bekerja dekat kilang serunding apakah cabaran yang puan tempuhi?

**PM** : Permintaan serunding *ni* [ini] kalau biasa bulan puasa lah paling tinggi...kalau hari biasa *ni* [ini] biasa lah.

**MJ** : Kalau dari segi nak menjual tu [itu] adakah puan hantar serunding-serunding tu [itu] ke kedai-kedai biasa?

**PM** : *Tak* [tidak] ada. Jual kat rumah...lepas *tu* [itu] kalau ada *customer* [pelanggan] *pesan* [tempah] KL- -Kuala Lumpur mana ke...kita hantar lah.

**MJ** : Apakah ilmu yang puan dapat dari perusahaan serunding sehingga dapat membuka perusahaan batik?

**PM** : Cuma ilmu meniaga lah.

**MJ** : Berapakah umur puan semasa terlibat dalam bidang pekerjaan?

**PM** : Sejak zaman sekolah lagi...sampai tamat sekolah ada lagi.

### TAMAT BAHAGIAN 3



#### **BAHAGIAN 4: BIDANG PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN BATIK.**

- MJ** : **Dari mana puan dapat bimbingan dalam perniagaan batik?**
- PM** : Asal suami memang dia jual batik kan...lepas *tu* [itu]...(berfikir)...lepas kahwin *tu* [itu] dapat anak seorang...*kita* [saya] bukak kedai batik sendiri.
- 
- MJ** : **Pada masa itu, hanya kedai jual kain batik, belum lagi ada kilang?**
- PM** : Ha...belum lagi ada kilang...masa kita bukak kedai *tu* [itu] *kita* [saya] upah jugak la...*kita* [saya] masuk kilang-kilang *kita* [saya] upah kilang buat batik la. Hasil daripada situ *kita* [saya] jual, kiranya daripada situ la, kiranya daripada suami la, dia lah yang memberi idea untuk membuka perniagaan batik.
- 
- MJ** : **Bagaimana Diana Batik boleh mendapat nama?**
- PM** : Nama sendiri dah *tu* [itu].
- 
- MJ** : **Adakah Diana Batik mempunyai cabang perniagaan lain?**
- PM** : *Tak* [tidak] *da* [ada] lagi lah...*kita* [saya] fokus kepada batik lah.
- 
- MJ** : **Dalam puan menceburi bidang perniagaan ini, bagaimana puan menentukan perjalanan puan dalam perniagaan?**
- PM** : *Start* [mula] daripada bawah lah.
- 
- MJ** : **Susah tak agak-agaknya?**
- PM** : Susah jugak lah...dulu masa bukak kedai *tu* [itu] pun modal pun *tak* [tidak] banyak kan, ada sikit jer kan. Ha...hok susah *tu* [itu] raso blako doh. Jual pasar malam pun jual, jual pasar pagi pun *kita* [saya] jual...dekat dengan *dua* [2] tahun jugak lah saya jual pagi...kiranya pagi *kita* [saya] bukak kedai, petang di pasar malam pulak.

- MJ : Dari manakah puan mendapat modal untuk membuka kedai batik?**
- PM : Kedai *tu* [itu] *kita* [saya] beli, tapi duit *tu* [itu] dari mak lah. Lepas *tu* [itu] modal sendiri lah...ada lah sikit-sikit modal.
- MJ : Siapakah yang menguruskan syarikat perusahaan puan?**
- PM : Saya dan suami lah. *Kita* [saya dan suami] kedai dua, dekat bazar *tu* [itu] tingkat 1...dua-dua dekat bazar lah...*tingkat satu* [1] satu, *tingkat dua* [2] satu. Kedai dua tingkat lah.
- MJ : Adakah puan melantik siapa-siapa untuk membantu puan dalam bidang perniagaan ini?**
- PM : *Tak* [tidak] *da* [ada]...bekerja lah...semua *kita* [saya] *handle* [menguruskan] sendiri, cuma *kita* [saya] bagi-bagi lah untuk staff, untuk pekerja.
- MJ : Siapakah idola puan dalam bidang perniagaan?**
- PM : Mak *kita* [saya] lah idola *kita* [saya]...(ketawa).
- MJ : Apakah falsafah puan dalam bidang perniagaan ini?**
- PM : InsyAllah...ada juagak *tu* [itu] cita-cita...kalau ada rezeki...(ketawa).
- MJ : Bilakah puan mula mengorak langkah dalam membuka perniagaan batik ini?**
- PM : Dari umur anak hok yang sulung *tu* [itu] lah, dalam umur dia setahun kot [mungkin]. Ada dalam *sepuluh tahun* [10] dah. Pada tahun 2005 lah.
- MJ : Bilakah puan mula memiliki kilang membuat batik?**
- PM : Kilang, hok baru-baru meniaga *tu* [itu] *kita* [saya] tumpang je. Sekarang dah da kilang sendiri dalam *tiga* [3] kilang di *tiga* [3] tempat lah. Di Selinsing satu, dekat Kedai Piah, lepas *tu* dekat area PCB- -Pantai Cahaya Bulan satu. *Tiga* [3]

tempat lah

**MJ : Bagaimanakah puan menguruskan kilang di tiga tempat yang berbeza?**

PM : Tiga tempat *tu* [itu], barang semua *tak* [tidak] sama lah, design semua lain-lain *tak* [tidak] sama lah.

**MJ : Bagaimana produk yang dihasilkan oleh kilang di Selingsing?**

PM : Semua kain batik jugak, Cuma kilang dekat Selingsing *tu* [itu] buat kain kemeja, kain sepasang, Cuma *design* [rekaan] lain-lain lah untuk setiap kilang.

**MJ : Setiap kilang menghasilkan produk yang berlainan?**

PM : Lain-lain...corak...*design* [rekaan].

**MJ : Bagaimana puan menguruskan tiga kilang di tempat yang berbeza?**

PM : *Kita* [saya] *pergi* [melawat] jugak...mungkin dalam seminggu sekali

**MJ : Dimanakah ibu pejabat syarikat puan?**

PM : Di bazar lah.

**MJ : Apakah cabaran paling besar pernah puan hadapi?**

PM : Persaingan, sebab *kita* [saya] jual *kat* [dekat] bazar *tu* [itu] pusat batik, situ semua jual batik...memang persaingan memang...dari segi harga, dari segi design *ape* [apa] semua.

**MJ : Bagaimanakah puan harga produk puan?**

PM : *Tengok* [lihat] atas *design* [rekaan]...harga *tu* [itu] *kita* [saya] *tengok* [lihat] atas *design* [rekaan] lah...kalau design yang hok banyak lapis *tu dia* [kain batik] mahal sikit.

**MJ : Setiap prooduk yang dihasilkan dari kain yang berbeza, bagaimana puan menentukan harga kain tersebut?**

**PM : Semua atas *design* [rekaan]...*dia* [kain batik] lapisan...lapisan *color* [warna] *dia* [kain batik]...lagi banyak *lapik* [lapisan] *color* [warna] *tu* [itu] lagi mahal.**

**MJ : Apakah rahsia puan sehingga boleh berjaya dalam bidang perniagaan batik ini?**

**PM : (*ketawa*)...*tak* [tidak] *da* [ada] rahsia...*dia* [perusahaan] batik *ni* [ini] semua kena jaga...kilang *tu* [itu] kena jaga macam gaji lah...sampai masa *tu* [itu] kena bagi gaji.**

**MJ : Lain-lain cabaran yang puan hadapi?**

**PM : *Tak* [tidak] *dok* [ada]...*tak* [tidak] *da* [ada] masalah lah...batik *ni* [ini] persaingannya itu je lah, sebab situ memang pusat batik kan...dari segi design [rekaan] *tu* [itu] hok orang nak *ciplak* [tiru] *tu* [itu] biasa lah, kena pandai-pandai kita lah.**

**MJ : Pernah berlaku tiru-meniru rekaan puan?**

**PM : Biasa. Sebalah kedai pun jadi.**

**MJ : Bagaimanakah tertubuhnya syarikat Diana Batik ini?**

**PM : Dari suami...masa *tu* *kecik-kecik* [perniagaan] lagi lah...belum ada kilang lagi lah, *start* [mula] dari bawah lah.**

**MJ : Bagaimana puan boleh terlibat dalam perusahaan batik pada mulanya?**

**PM : Bila dah jumpa *dia* [suami] *tu* [itu], bukak kedai daripada satu ke dua...daripada *dia* [suami] lah...sebab saya ni [ini] keluarga bukan daripada batik kan...semua keluarga *ni* [ini] semua *business* [perniagaan]...jadi ilmu itu *dah* [sudah] ada,**

cuma bidang yang berbeza lah.

**MJ : Adakah suami puan mempunyai kemahiran mencanting batik?**

PM : Dia boleh la...*design* [rekaan] apa semua *dia* [suami] lah...*dia* [suami] lah yang menghasilkan *design* [rekaan] tu [itu].

**MJ : Adakah perusahaan Diana Batik ini dimiliki secara tunggal [perseorangan] atau berkongsi?**

PM : Berkongsi...bersama suami.

**MJ : Adakah puan mempunyai kedai lain selain di bazar- - Kota Bharu?**

PM : *Tak* [tidak] *da* [ada]...Cuma *kita* [saya] *supplier* [pembekal] lah.

**MJ : Puan membekalkan kain batik kepada siapa?**

PM : Ada *rata-rata* [banyak tempat], *KL* [Kuala Lumpur], Kedah, Brunei pun ada, Sabah Sarawak pun...sekarang banyak Brunei datang ambik lah.

**MJ : Adakah perusahaan batik ini hasil usaha puan seorang atau ada orang lain yang turut membantu puan?**

PM : *Tak* [tidak] *da* [ada]...kita suami isteri lah.

**MJ : Apakah keistimewaan kain batik puan berbanding kain batik yang lain?**

PM : Dari segi lukisan *dia* [kain batik], *color* [warna]

**MJ : Jadi sampai sekarang design [rekaan] apakah yang puan boleh banggakan?**

**PM :** Sekarang banyak *kita* [saya] *buat* [hasilkan] jubbah, kain sepasang tu *still* [masih] ada lah. Cuma sekarang *kita* [saya] tekankan kepada jubbah dengan cutton top...semiggu *dua ratus* [200] helai dari satu-satu kilang.

**MJ : Apakah produk yang paling mendapat sambutan?**

**PM :** Kain sepasang dengan jubbah lah.

**MJ : Apakah strategi puan dalam menangani masalah persaingan?**

**PM :** Kiranya kena selalu...keluarkan *design-design* [rekaan] baru lah.

**MJ : Berapa lama puan ambil masa dalam menghasilkan design [rekaan] baru?**

**PM :** Biasa...*tiga* [3] bulan sekali ke...*kita* buat *tu* [itu] *kita* simpan, *kita* buat *stock* [stok] dulu lah.

**MJ : Berapa banyak design [rekaan] yang telah puan hasilkan?**

**PM :** Macam-macam lah *design* [rekaan] (*ketawa*).

**MJ : Cabaran yang dihadapi oleh puan ketika mula-mula hendak membuka perusahaan batik ini?**

**PM :** (*ketawa*) modal kecil, banyak la cabaran dia...*tak* [tidak] banyak la barang yang *kita* [saya] *boleh* [perolehi]...kiranya *tak* [tidak] penuh kedai la.

- MJ : Pada awalnya, Diana Batik cuma menjual kain sarong?**
- PM : Kain batik...batik lukis...daripada awal lagi lah *kita* [saya] jual batik lah...dulu kain batik, kain ela *kita* [saya] jual jugak.
- MJ : Pada masa itu, dari manakah puan mendapatkan kain sebelum adanya kilang?**
- PM : *Kita* [saya] ambil *kat* [dekat] kedai jugak lah...sekarang *seratus peratus* [100%] kain batik...dulu kita campur jugak *barang* [kain] lain, sekarang *tak* [tidak]. *Kita* [saya] tumpu kepada batik lah.
- MJ : Bagaimanakah puan mengekalkan kedudukan Diana Batik dengan persaingan dari pengusaha lain dan harga barang yang meningkat?**
- PM : *Kita* [saya] jual *sama* [harga] lagi...naik lah sikit... 1 April 2015 *ni* [ini] kan *GST* [Government Service Taxes]...tapi kita still harga dulu lagi kita jual...kita pun *tak* [tidak] charge lagi lah.
- MJ : Bagaimana dengan pelanggan dari Brunei, adakah mereka datang ke kedai puan untuk mendapatkan kain batik?**
- PM : *Diorang* [pelanggan] datang sendiri pun ada, *kita* [saya] hantar ke sana pun ada.
- MJ : Bagaimana dengan kos penghantaran?**

PM : Sekali dengan kos penghantaran, *diorang* [pelanggan] bayar lah.

MJ : **Bagaimana pelanggan dari luar negara kenal dengan Diana Batik?**

PM : Situ pusat batik kan, *diorang* [pelanggan] datang jalan-jalan *gitu* [begitu] je lah.

MJ : **Bagaimana puan memasarkan kain batik perusahaan puan?**

PM : Ada jugak dalam Facebook semua kan...tapi *kita* [saya] *tak* [tidak] tumpu sangat...cuma untuk pengenalan jelah.

MJ : **Adakah Diana Batik mengenakan GST kepada pelanggan?**

PM : Belum lagi...kiranya *kita* [Diana Batik] tanggung *GST* [Government Service Taxes].

MJ : **Adakah puan merasa kerugian kerana tidak mengenakan GST?**

PM : (*ketawa*)...sebabnya situ memang boleh kata semua *orang* [peniaga] tak *charge* [mengenakan] lagi...sebab mungkin harga barang pun *tak* [tidak] *ni* [ini] lagi kan. Kain putih yang kita ambil *tak* [tidak] *dak* [ada] *GST* [Government Service Taxes] lagi kan, jadi *kita* [Diana Batik] nak *charge* pun rasa kesian jugak kat orang ramai kan, cuma kita kita tanggung dulu buat sementara, tengok lah macamana.

MJ : **Mengenai GST, adakah berlaku perbezaan dalam perniagaan puan**



**sebelum dan selepas pelaksanaannya?**

PM : Beza...*slow* [perniagaan] sikit lah.

**MJ : Bagaimana sambutan terhadap produk puan apabila GST dilaksanakan?**

PM : *Customer* [pelanggan] ada...*dia* [pelanggan] macam tanya lah ada *GST* [Government Service Taxes] ke...*tak* [tidak] *da* [ada] *GST* [Government Service Taxes] okay lah.

**MJ : Pernah atau tidak berlaku pelanggan lari dari membeli produk puan akibat pelaksanaan GST?**

PM : *Tak* [tidak] *tau* [tahu] lagi lah, sebab *kita* [saya] *tak* [tidak] *charge* [mengenakan GST] lagi kan.

**MJ : Bagaimana puan meletakan harga bagi produk puan yang dibeli oleh pelanggan dari luar negara?**

PM : *Dia* [pelanggan] *pakai* [menggunakan] Ringgit Malaysia lah...kiranya *dia* [pelanggan] datang *tu* [itu] *dia* [pelanggan] *dah* [sudah] pergi *bank* [tukar duit].

**MJ : Bagaimana dengan produk yang memerlukan puan untuk melakukan penghantaran ke luar negara?**

PM : *Diorang* [pelanggan] *bank in* [deposit wang] dulu...duit *tu* [itu] *dah* [sudah] masuk, baru *kita* [saya] hantar.

**MJ : Selain dari Brunei, pelanggan dari negara mana yang turut membeli produk puan?**

**PM : Negara lain *tak* [tidak] *da* [ada]...cuma Brunei.**

**MJ : Bagaimana, pelanggan dari Brunei berurusan dengan syarikat puan?**

**PM : *Diorang* [pelanggan] *nak* [hendak] datang *tu* [itu] *diorang* [pelanggan] telepon dulu...kiranya *kita* [saya] sediakan barang...barang-barang dulu kan.**

**MJ : Adakah perniagaan Diana Batik ini akan diwarisi oleh anak-anak puan?**

**PM : InsyAllah...harap-harapnya adalah anak yang mewarisi.**

**MJ : Apakah penambahbaikan yang akan dilakukan oleh Diana Batik pada masa yang akan datang?**

**PM : *Tak* [tidak] *da* [ada] lagi...untuk yang sekarang pun *dah* [sudah] *tak* [tidak] *dan* [sempat] keluar *barang* [produk], itu pun memang *busy* [sibuk].**

**MJ : Bagaimana puan mendapatkan bahan-bahan bagi menghasilkan batik?**

**PM : Dari pemborong.**

**MJ : Pemborong itu dari mana?**

**PM : Dari Kelantan jugak lah.**

**MJ : Adakah mahal harga barang-barang untuk menghasilkan kain batik bagi setiap pembelian untuk satu-satu kilang?**

**PM : Kita kira upah...barang *diorang* [pekerja] beli sendiri, kita bayar upah untuk berapa helai kain yang siap...kira macam *kat* [dekat] kilang *tu* [itu] ada *satu* [pekerja] untuk jaga lah *semua* [barang untuk menghasilkan kain batik] *tu* [itu]..kiranya bahan mentah untuk *buat* [menghasilkan] batik *ni* [ini] *dia* [pekerja] beli lah...*dia* [pekerja] yang beli, cuma *barang* [kain batik] siap berapa helai hok *tu* [itu] *kita* [saya] - - kira upah lah - - kadang *kita* [saya] sedia tempat jelah**

**MJ : Adakah Diana Batik mempunyai hubungan dengan mana-mana agensi atau mana-mana perusahaan lain?**

**PM : *Tak* [tidak] *da* [ada], memang *kita* [Diana Batik] sendiri...kita buat sendiri, kita jual pun sendiri.**

**MJ : Adakah menjadi satu kesukaran untuk puan menjual produk puan dengan tidak menyertai mana-mana agensi atau persatuan pembuat batik?**

**PM : *Kita* [saya] *tak* [tidak] daftar...dengan kelab pun *kita* [saya] *tak* [tidak] daftar...*kita* [saya] buat sendiri lah.**

**MJ : Apa pendapat puan mengenai pengusaha batik yang berdaftar dengan kelab atau persatuan?**

**PM : Yang berdaftar dengan Kraft *ni* [ini] biasa *ni dia* [ahli persatuan Kraft] boleh *join* [menyertai] *event* [acara]. Macam *kita* [saya] *ni* [ini] *seratus peratus* [100%] dekat *kedai* [Diana Batik]. *Kita* [saya] buat sendiri, *kita* [saya] *pasar* [jual] pun sendiri.**

**MJ : Adakah puan akan berdaftar dengan persatuan pengusaha batik?**

**PM : *Kalu* [kalau] untuk daftar saja *tu* [itu] rasa *tak* [tidak] *da* [ada] masalah tapi *kalu* [kalau] nak pergi *event* [acara] semua ni...memang susah lah *kita* [saya] ada anak kecil *so* [jadi] semua kan sekolah nak *ape* [apa] susah lah sikit.**

**MJ : Pada masa akan datang, apabila anak-anak puan sudah membesar sedikit adakah puan akan menyertai mana-mana persatuan pengusaha batik?**

**PM : *Dak* [tidak], sebab *tak* [tidak] biasa lagi kan. Sebab ramai yang hok daftar dengan Kraft, ramai. Bila ada event [acara] tu, boleh kata setiap bulan *tu* [itu] kena *keluar* [sertai acara], tengok lah *KL* [Kuala Lumpur] ke, Melaka ke, Johor-  
- *Tu* [itu] untuk mempromosikan. Susah jugak kalau macam *tu* [itu] kan, *kita* [saya] tinggal kedai semua kan.**

**MJ : Adakah puan akan melantik sesiapa untuk membuat promosi bagi Diana**

## **Batik?**

PM : Tidak buat masa sekarang.

MJ : **Bagaimana puan memilih bahan yang berkualiti untuk memastikan kain batik yang dihasilkan menepati kepuasan pelanggan?**

PM : Pertamanya kain putih la- - sekarang banyak buat kain Creep la, kain Jacob- - *dia* [kain] lain, kain *Jacob shining* [satin], kain *tak* [tidak] sama *ni* [ini] kain Creep (*memegang kain Creep*)...*kita* [Diana Batik] banyak kain Creep lah...tengok kain lah, kain pun kita [saya] pilih la jugak.

MJ : **Berbeza atau tidak harga bagi setiap jenis kain?**

PM : Harga sama.

MJ : **Selepas siap dihasilkan adakah harga kain tersebut masih sama?**

PM : Tengok *design* [rekaan] lah, bergantung pada *design* [rekaan] pulak lah - - sekarang *kita* [saya] banyak *buat* [menghasilkan kain batik] manik.

MJ : **Bagaimana pula dengan perbezaan kualiti warna?**

PM : *Color* [warna] dia *ada* [kualiti]...dari segi kualiti *color* [warna] *tu* [itu] *da* [ada] banyak jenis...dia ada metafilk, remanzon, dia *color* [warna] lain-lain lah, cuma *molek* [bagus] *kita* [saya] guna remanzon.

**MJ** : Adakah setiap jenis warna yang digunakan itu mempunyai kualiti warna yang berbeza?

**PM** : *Dia* [warna] lain-lain...mungkin *dia* [warna] kilang lain-lain kot...lepas tu dari segi campuran *color* [warna] lah pulak nak suruh keluar *color* [warna] hok comel kan.

**MJ** : Selain dari menggunakan dua jenis kain, adakah puan turut menggunakan kain jenis lain?

**PM** : *Tak* [tidak] *da* [ada]...*dua* [2] jenis *tu* [itu] je lah.

**MJ** : Adakah puan turut menggunakan mesin untuk menghasilkan batik?

**PM** : *Tak* [tidak] *da* [ada]...semua tangan - - canting, conteng *color* [warna] pun guna tangan.

**MJ** : Berapa lama masa yang diambil untuk menyiapkan satu kain batik?

**PM** : Untuk kita lukis *tu* [itu]...lukis *tu* [itu] sehari, *seorang* [pekerjaa] *tu* [itu] boleh keluarkan dalam *sepuluh* [10] helai untuk seorang pencanting- - paling banyak lah.

**MJ** : Berapa lama masa yang diambil untuk mewarna?

**PM** : *Tak* [tidak] lama lah dalam satu jam. Biasa dalam satu jam sehelai - - banyak *color* [warna] - - kira siap lah. Bergantung pada design jugak lah, *kalu* [kalau]

design hok bnyak sikit *tu* [itu] lambat sikit.

**MJ : Apakah corak terbaru yang dihasilkan oleh Diana Batik?**

PM : Biasa bunga, *tak* [tidak] pun abstrak pun ada campur-campur lah.

**MJ : Corak bentuk apakah yang paling diminati oleh pelanggan?**

PM : Kalau batik *ni* [ini] - -batik biasa kan - - motif bunga lah.

**MJ : Dalam tempoh sebulan, berapa banyak kain batik yang dapat dihasilkan oleh Diana Batik?**

PM : *Tak* [tidak] pernah kira...*(ketawa)*. Biasanya dalam masa seminggu *tu* dalam *lima puluh* [50] helai. Lepas *tu* [itu] *kalu* [kalau] *dua* [2] tempat [kilang] lagi ada lagi *seratus* [100] helai, jubah *ni* [ini] biasa lebih lah dalam *dua ratus* [200] helai.

**MJ : Bagaimana puan mengira panjang setiap kain batik yang dihasilkan?**

PM : Kain sepasang *empat* [4] meter...siap *empat* [4] meter lah, kalau jubah tiga meter lebih

**MJ : Bagaimana puan menentukan panjang bagi setiap kain batik yang dihasilkan?**

PM : *Kita* [saya] potong bagi siap-siap lah - - *dia* [kain batik] bukan kira meter, *dia*

[kain batik] kira sepasang.

- MJ** : Pernah pelanggan membeli kain batik secara meter?
- PM** : *Tak* [tidak] *dok* [ada] rasanya, batik memang *dia* [kain batik] sepasang, *empat* [4] meter...sekeping *tu* [itu] kira *empat* [4] meter.
- MJ** : Sepanjang puan berniaga, berapakah pendapatan paling sedikit pernah puan dapat?
- PM** : Ada - - batik kena tengok musim jugak lah, biasa *kalu* [kalau] bulan *dua belas* [12], bual satu *tu* [itu] *slow* [perlahan] *sikit* [permintaan] sebab anak orang sekolah kan.
- MJ** : Kenapakah boleh berlakunya ketidak stabilan permintaan terhadap kain batik?
- PM** : Bulan *dua belas* [12] *ni* [ini] orang nak beli kain baju sekolah anak *tu* [itu] kan, *slow* [perlahan] lah *sikit* [permintaan] - - kita banyak pemborong *tu* [itu] kan.
- MJ** : Berapakah ramai pekerja yang dimiliki oleh Diana Batik?
- PM** : Kilang dalam *dua puluh* [20] orang lebih.



- MJ : Dari manakah puan mendapatkan pekerja-pekerja untuk menghasilkan kain batik?**
- PM : Biasa orang mari cari lah. Cuma *kita* [saya] tengok dulu lah, kita *test* [uji] jugak lah hok mana boleh buat...*dia* [pekerja] boleh ikut ke *tak* [tiddak]**
- MJ : Adakah puan pernah mengdahapi masalah mengenai pekerjaan di syarikat puan?**
- PM : Biasa...kilang *tu* [itu] pekerja ramai kan...antara pekerja lah...pekerja dengan pekerja**
- MJ : Adakah puan meletakan sasaran menyiapkan kain batik bagi setiap pekerja?**
- PM : Memang *kita* [saya] *target* [mensasarkan] seminggu berapa helai - - satu kilang lah.**
- MJ : Pernah atau tidak berlaku, kilang gagal menghasilkan kain batik mengikut sasaran yang ditetapkan?**
- PM : Ada.**

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: PENGLIBATAN TOKOH DALAM BIDANG YANG DICEBURI.**

**IH : Adakah Syarikat Diana Batik ini mempunyai pejabat cawangan selain berpusat di Kota Bharu?**

**PM : *Tak* [tidak] *da* [ada].**

**IH : Adakah puan mempunyai perancangan untuk membuka pejabat cawangan?**

**PM : Buat masa *ni* [ini] *tak* [tidak] *da* [ada] lagi.**

**IH : Jika diberi peluang, adakah puan ingin membuka pejabat cawangan?**

**PM : Rasa *tak* [tidak] cukup *kakitangan* [staff] kot (*ketawa*).**

**IH : Apakah ciri-ciri pekerja yang diminati oleh puan dalam menguruskan perusahaan ini?**

**PM : *Hok* [yang] jenis *ramoh* [ramah] lah, pandai cakap lah lepas *tu* [itu] kena pandai layan *customer* [pelanggan] lah.**

**IH : Berapa ramai pekerja yang dimiliki oleh Diana Batik?**

**PM : *Dua puluh* [20] lebih lah.**

**IH** : Apakah kriteria-kriteria yang puan pilih untuk mengambil mereka bekerja?

**PM** : *Hok* [yang] pandai atur *color* [warna] *tu* [itu] kan - - yang sudah ada pengalaman bekerja. Biasa *hok* [yang] *mari* [datang] mintak kerja *tu* [itu] *hok* [yang] *dah* [sudah] ada pengalaman.

**IH** : Selalunya orang yang untuk meminta kerja itu dalam lingkungan berapa?

**PM** : Untuk buat batik...*tiga puluh* [30] keatas.

**IH** : Meajoriti pekerja yang berkerja di Diana Batik dari segi jantina?

**PM** : *Kalu* [kalau] *hok* yang melukis *tu* [itu] lelaki lah...banyak lelaki. *Hok* yang *color* [warna] *tu* [itu] perempuan.

**IH** : Pada masa akan datang, adakah puan akan mengembangkan lagi perusahaan yang sedia ada ini?

**PM** : InsyAllah la.

**IH** : Adakah puan mempunyai target [sasaran] lokasi untuk mengembangkan syarikat puan?

**PM** : *Tak* [tidak] *da* [ada] lagi.

**IH : Dari segi pelanggan, adakah Diana Batik mempunyai pelanggan tetap yang mengambil kain batik dari syarikat puan?**

**PM : Ada.**

**IH : Bagaimana cara mereka menempah atau membeli produk puan?**

**PM : Biasa *diorang* [pelanggan] datang *sini* [kedai] la. Sebulan sekali kot, tengok lah atas permintaan lah.**

**IH : Biasanya permintaan dari pelanggan tetap itu adalah secara individu, syarikat?**

**PM : Kedai...daripada kedai lah.**

**IH : Adakah puan turut menerima tempahan secara individu?**

**PM : Ada jugak.**

**IH : Dari sudut pemasaran, adakah Diana Batik mempunyai kaedah pemasaran produk yang tersendiri dari segi pengiklanan?**

**PM : *Tak* [tidak] *da* [ada]...kiranya fokus pada kedai lah.**

**IH : Bagaimana puan menilai mutu bagi kain batik yang dihasilkan?**

**PM : Tengok *design* [rekaan] lah. Bergantung pada *design* [rekaan] lah, warna *dia***

[kain batik].

**IH : Bolehkah puan nyatakan produk-produk lain yang turut dihasilkan daripada kain batik itu sendiri?**

**PM : Baju kemeja, jubah, cotton top, itu lah.**

**IH : Adakah puan bercadang untuk mempelbagaikan lagi produk itu?**

**PM : InsyAllah lah...tengok...ada jugak.**

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## **BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN ATAU PENANUGERAHAN DAN SUMBANGAN TOKOH.**

**IH : Apakah pencapaian tertinggi yang pernah dicapai oleh Diana Batik?**

**PM : Dari segi jualan lah.**

**IH : Apakah pencapaian tertinggi puan sepanjang menerajui Syarikat Diana Batik?**

**PM : *Tak* [tidak] *da* [ada].**

**IH : Apakah pencapaian tertinggi yang pernah puan lakukan?**

**PM : *Tak* [tidak] *da* [ada]. Boleh beli rumah, boleh beli kereta, kira *tu* [itu] je lah. Boleh beli kiranya *asset* [harta peribadi] lah.**

**IH : Dalam Diana Batik, apakah asset terbesar yang dimiliki sekarang?**

**PM : Kilang...kalau tidak *tak* [tidak] *tubik* [keluar] lah barang... (*ketawa*).**

**IH : Apakah sumbangan Diana Batik sepanjang ia beroperasi?**

**PM : Peralatan untuk buat *ni* [batik] lah.**

**IH : Apakah sumbangan terbesar yang pernah diberikan oleh Diana Batik dari segi program atau acara di dalam atau luar Negeri Kelantan?**

**PM : *Tak* [tidak] *da* [ada].**

- IH** : Apakah langkah yang diambil oleh puan dalam memastikan perusahaan ini sentiasa melepasi penanda aras yang telah ditetapkan?
- PM** : Setiap tahun kita akan check [memeriksa] stock [stok] lah.
- IH** : Apakah sasaran puan dalam mengekalkan prestasi dan pencapaian Diana Batik sepanjang ia beroperasi?
- PM** : Macam kilang *kita* [saya] kena pantau *sokmo* [selalu] lah...dari segi pekerja kena ambil tahu lah.
- IH** : Siapakah yang menguruskan kilang?
- PM** : *Dia* [staff] ada sorang ketua lah...jadi hok *kita* [saya], kiranya jadi apa-apa masalah pun dengan *hok* [ketua] *tu* [itu] lah *kita* [saya] bincang.
- IH** : Setakat ini, pernahkah kilang puan mengalami sebarang masalah dari segi kerosakan peralatan atau mesin?
- PM** : *Kita* [Diana Batik] *tak* [tidak] pakai mesin...semua *handmade* [hasil buatan tangan] *blako* [produk]
- IH** : Bagaimana dengan bahan mentah yang digunakan?
- PM** : Semua okay lah.

**IH** : Adakah puan pernah menerima apa-apa anugerah sepanjang menerajui perusahaan batik ini?

**PM** : *Tak* [tidak] *dok* [ada].

**IH** : Adakah puan bercita-cita untuk menerima sebarang anugerah?

**PM** : *Tak* [tidak] tahu lah tu... (*ketawa*). Sebab *kita* [saya] jual di kedai jer *tu* [itu] kan.

**TAMAT BAHAGIAN 6**



## **BAHAGIAN 7: PENDAPAT, PANDANGAN ATAU NASIHAT TOKOH.**

**IH : Apakah pandangan puan terhadap perusahaan batik di negara ini?**

**PM :** Kerajaan pun banayak jugak lah membantu pengusaha batik, kiranya setiap hari khamis kan kena pakai batik, jadi itu lah hok mengalakkan *orang* [pengguna] membeli *ni* [produk batik] - - batik ni dia ada cara dia yang tersendiri lah...kiranya lukisan dia...kiranya hok orang beli tengok atas minat lah. *Dia* [batik] ada peminat jugak lah batik *ni* [ini], *orang* [peminat batik] suka pakai batik.

**IH : Pada pandangan puan bagaimanakah cara untuk melibatkan diri dalam bidang yang diceburi?**

**PM :** Batik dia kena ada minat jugak, maksudnya meniaga kena ada minat kalau [kalau] *tak* [tidak] *da* [ada] minat langsung payah jugak la...*(ketawa)*.

**IH : Apakah saranan puan pada mereka yang ingin menceburi bidang perniagaan yang puan ceburi sekarang ini?**

**PM :** Seperti yang saya *oyak* [katakan] tadi, meniaga kena ada minat...kita minat meniaga, *nak* [hendak] meniaga *gapo-gapo* [apa-apa sahaja] pun boleh...tu jer lah.

**IH : Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang yang mahu menjadi ahli perniagaan seperti puan?**

PM : Kena tegas jugak lah. Tegas, amanah, itu je lah.

IH : **Bagaimanakah cara untuk seseorang itu memulakan perniagaan?**

PM : Kena *start* [mula] dari bawah...kalau boleh pengalaman lah *nak* [perlu] jugak lah.

IH : **Pada pendapat puan, adakah terlalu susah untuk seseorang itu memulakan perniagaan mereka sendiri?**

PM : Memang susah...bukan mudah *nak* [hendak] cari pelanggan, *nak* [hendak] cari *barang* [bahan] apa semua *tu* [itu] memang *payah* [susah] *blako* [sangat]...kena sabar...(ketawa)

IH : **Apakah nasihat puan, kepada mereka yang menjalankan perniagaan berskala besar?**

PM : (ketawa)...*tak* [tidak] tahu lah.

IH : **Pada pendapat puan, mampukah perusahaan batik ini berkembang dengan baik di negara kita?**

PM : Boleh rasanya.

- IH** : Pada pendapat puan, mampukah perniagaan berbentuk perusahaan batik berkembang seiring dengan perubahan fesyen di negara kita?
- PM** : Batik pun ada *hok* [yang] masuk antarabangsa, tapi *kita* [Diana Batik] *tak* [tidak] lah sampai ke tahap *tu* [itu] rasanya lah.
- IH** : Pernah atau tidak corak rekaan batik puan di bawa ke peringkat antarabangsa?
- PM** : Buat masa *ni* [ini] *tak* [tidak] ada lagi.
- IH** : Apakah nasihat puan dalam mengatasi masalah persaingan antara pengusaha batik di negara kita?
- PM** : Kena jaga *design* [rekaan] lah...kira *kua* [keluarkan] *hok* [design] baru *sokmo* [selalu]
- IH** : Berapakah design yang telah berjaya dihasilkan oleh Syarikat Diana Batik?
- PM** : Banyak lah - - setiap tahun *tu* [itu] dalam *sepuluh* [10] *design* [rekaan] *tu* [itu] lebih rasa.
- IH** : Dari sudut motif-motif atau corak-corak itu dari bentuk yang mana?
- PM** : *Motif* [corak] bunga *tu* [itu] *kita* [Diana Batik] *tak* [tidak] tinggal lah...cuma campur dengan abstrak...tengok lah *motif* [corak] macam-macam...sepsis-

spesis hidup la macam bunga - - geometri pun ada jugak, tapi bunga batik biasa  
*dia* [corak bunga] *motif* [corak] bunga lah.

**IH : Pernah paun terpikir mahu menghasilkan corak yang lebih menarik dan kreatif selain yang telah sedia ada ini?**

PM : Ada. Tapi *tak* [tidak] tahu lagi.

**IH : Kebiasaannya siapakah yang mendapat inspirasi dalam menghasilkan corak-corak di Diana Batik?**

PM : Biasanya *husband* [suami] saya sendri lah, *dia* [suami] lah hok kiranya buat *design* [rekaan] pun *dia* [suami] lah *tak* [tidak] pun *kita* [Diana Batik] kongsi dengan pekerja

**IH : Adakah Diana Batik turut mengambil pelajar yang terlibat dalam latihan industri?**

PM : *Tak* [tidak] *dok* [ada].

**IH : Apakah pandangan puan terhadap GST dalam perusahaan batik?**

PM : Kiranya *slow* [perlahan] sikit lah...dari segi jualan tu slow sikit kan, tapi buat masa *loni* [sekarang] *GST* [Government Service Taxes] *kita* [saya] *tak* [tidak] *charge* [kenakan] lagi dengan *customer* [pelanggan], kiranya *kita* [Diana Batik] tanggung lagi lah.

**IH : Bolehkah puan ceritakan proses-proses penghasilan batik?**

PM : Daripada kain putih kita canting dulu, kiranya buat *design* [rekaan] dulu lah. Siap canting, kering semua tu baru kita *color* [warna] *masuk* [mewarnakan]. Siap *color* [mewarnakan] *tu* [itu] baru kita *matikan* [matikan warna] masuk dalam *silikat* [pemati warna] dalam beberapa jam, dalam tiga jam ,empat jam macamtu kita rendam *silikat* [pemati warna] *tu* [itu] barulah kita rebus balik, buang lilin itu lah. Lepas *tu* [itu] bilas air semua *tak* [tidak] *da* [ada] dah.

**IH : Bolehkah puan nyatakan peralatan yang digunakan?**

PM : Canting, untuk *color* [warna] *tu* [itu] kita pakai berus cina tu, lepas *tu* [itu] *silikat* [pemati warna] untuk obat untuk memati *color* [warna] *tu* [itu] lah. *Last* [akhir] sekali *tu* [itu], kita rebus lah dengan air panas nak soh tanggal lilin *tu* [itu] lah.

**IH : Berapakah tahap suhu bagi merebus kain batik yang telah siap di canting?**

PM : Nak air panas jugak lah dalam - - bukan kata air mendidih *tak* [tidak] la, air panas la.

**IH : Air jenis apakah yang digunakan untuk merebus kain batik yang telah siap dihasilkan?**

PM : Campur dengan *obat* [bahan kimia] lah sikit.

**IH : Adakah Diana Batik turut menerima tempahan khas dari mana-mana agensi atau syarikat?**

**PM : Ada. biasa untuk sekolah, pejabat, syarikat pun ada.**

**IH : Adakah Diana Batik turut menerima design [rekaan] dari luar?**

**PM : Kita tengok dulu *design* [rekaan] *tu* [itu] kita boleh buat atau *tak* [tidak]. Tengok atas *tukang-tukang* [pencanting batik] pulak la *dia* [pencanting batik] boleh buat *ko* [atau] *dok* [tidak] kan.**

**IH : Mengenai kos, adakah berbeza dari segi harga yang dikenakan kepada pelanggan yang menghantar design [rekaan] sendiri untuk dihasilkan?**

**PM : Sama.**

**IH : Berapakah jenis-jenis batik yang dihasilkan oleh Diana Batik?**

**PM : Untuk batik sepasang ni *kita* [Diana Batik] ada banyak *design* [rekaan] lah - - batik eksklusif ada...macam-macam la, batik sarang semut, batik dedaun, banyak jenis la. Untuk kain sepasang. Lepas *tu* [itu] jubah, jubah maxie, jubah cotton.**

**IH : Design apakah yang paling laris dihasilkan?**

**PM : *Kalu* [kalau] untuk jubah *ni* [ini] biasa abstrak ataupun geometri - - kemeja, abstrak lah. Untuk kain sepasang *tu* [itu] banyak bunga la, abstrak, tapi lebih**

kepada bunga lah.

**IH : Adakah corak yang dihasilkan oleh Diana Batik mengikut perkembangan semasa?**

**PM : Kita [saya] tengok permintaan kan, *customer* [pelanggan] *nak* [hendak] jenis yang macam-mana.**

**IH : Dari sudut pekerja, bagaimana Diana Batik mengambil pekerja itu sendiri?**

**PM : Biasa pekerja ni, yang dah ada pengalaman lah... pernah buat *kerja* [mencanting] batik lah. - - *upah* tu [itu] atas *kita* [Diana Batik] lah.**

**IH : Pernahkah kilang mengalami masalah dari segi pengurusan?**

**PM : Masalah *tak* [tidak] *dok* [ada], Cuma banjir baru *ni* [ini] la... *break* [berehat] sebulan jugak.**

**IH : Apakah kerosakan yang dialami oleh kilang syarikat puan ketika dilanda banjir besar baru-baru ini?**

**PM : Rosak *tak* [tidak] *da* [ada] lah banyak, cuma nak baik pulih semula itu lah.**

**IH : Dari segi pilihan warna batik itu bagaimana syarikat puan pilih?**

**PM : Warna berdasarkan campuran *color* [warna], *dia* [pekerja] kena pandai main**

[memilih] *color* [warna], pandai campur *color* [warna]. Sebab batik *ni* [ini] *warna basic* [warna asas] je, *nak* [hendak] nampak *comey* [cantik] kena *campur* [warna].

**IH : Siapakah yang bertanggungjawab dalam mencampur warna untuk digunakan dalam mewarna kain batik?**

**PM : Bahagian *buat* [campur] *color* [warna] *tu* [itu] *kita* [Diana Batik] ada - -**

**IH : Berapakah jabatan dalam syarikat puan?**

**PM : Untuk *hok* [yang] canting *so* [satu] kan, *color* [warna] *so* [satu], lepas *tu* [itu] *hok* [yang] buat *color* [warna] *tu* [itu] *orang* [pekerja] lain pulak...*hok* [yang] *tu* [itu] lah - - tiga, empat lah sampai siap *barang* [kain batik].**

**IH : Adakah puan mempunyai perancangan untuk menambah jumlah kilang pada masa yang akan datang?**

**PM : Buat masa *ni* [ini] *tak* [tidak] *da* [ada]...*tak* [tidak] *tawu* [tahu] masa depan.**

**IH : Dalam sudut untuk menambahkan jumlah pekerja?**

**PM : Sekarang memang *nak* [hendak] tambah pekerja pun.**

**IH : Adakah puan melakukan sebarang pengiklanan untuk mencari pekerja?**

**PM : Pengiklanan ada. *Kita* [saya] letak *banner* [kain rentang] dekat kilang.**



- IH** : **Jika produk itu sudah siap, adakah ia akan dihantar ke kawasan mana?**
- PM** : Kiranya siap *tu* [itu] *kita* [saya] hantar kedai dulu, *barang* [kain batik] *kalu* [kalau] *dok* [ada] kedai baru *customer* [pelanggan] ambil. - - yang *direct* [terus dari kilang] pun ada jugak, *customer* [pelanggan] tempah *tu* [itu] baru *kita* [saya] hantar *direct* [terus]...atas permintaan la, *kalu* [kalau] ada *customer* [pelanggan] mintak *kita* [saya] hantar terus, *kalu* [kalau] *tak* [tidak] biasa banyak kita tangguh dulu la.
- IH** : **Selain dari Negeri Kelantan, negari manakah yang turut mengambil tempahan dengan Diana Batik?**
- PM** : *KL* [Kuala Lumpur] pun ambil, Kedah *ado* [ada], perak *ado* [ada], banyak jugak lah - - *KL* [Kuala Lumpur] lah *hok* [yang] banyak...tapi sekarang banyak *hok* [yang] jual online pun *ado* [ada].
- IH** : **Adakah puan bercadang untuk menjual produk secara atas talian?**
- PM** : *Tak* [tidak] tahu la, payah jugak. Sebab *kita* [Diana Batik] *tubik* [keluar] *barang* [kain batik] *sokmo* [selalu], macam *hok* [yang] untuk jual online, *dia* [pelanggan] *mari* [datang] pilih ambil kedai diorang jual lah...macam barang *tak* [tidak] habis *diorang* [peniaga online] tukar balik.

**IH** : Adakah puan mengenakan sebarang syarat untuk peniaga online menukar barang yang tidak habis dijual?

**PM** : *Tak* [tidak] *dok* [ada].

**IH** : Kiranya kalau berlaku pertukaran barang yang tidak habis dijual oleh peniaga online atas sebab apa?

**PM** : Mungkin ada rosak *ko* [ke] sikit kan. *Tak* [tidak] pun *hok* [yang] *orang* [pelanggan] *tak* [tidak] *kenan* [tertarik].

**IH** : Adakah Diana batik mengenakan sebarang bayaran bagi sebarang pertukaran barang yang tidak habis dijual?

**PM** : *Just* [hanya] tukar...*tak* [tidak] ada masalah. - - permintaan untuk *hok* [yang] online pun banyak...*hok* [yang] online *tu* [itu] pun kita ada banyak jugak...Hmm, empat, lima *orang* [peniaga online] jugak lah jual online, online laju lah sekarang.

**IH** : Jadi, adakah produk Diana Batik ini ada dijual secara online?

**PM** : Bukan *kita* [Diana Batik] buat sendiri. Kiranya *kita* [Diana Batik] *bekalkan* [produk batik] untuk *diorang* [peniaga online] la.

**IH** : Adakah Diana Batik turut terlibat dalam perniagaan online?

**PM** : *Tak* [tidak] *dan* [sempat], *tak* [tidak] *dok* [ada] masa...sebab online *ni* [ini] kena tumpu kan.

**TAMAT BAHAGIAN 7**

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Mohamad Jefry dan Ihssan Al Aminn menemubual Puan Mardiana Bt. Mat, yang dilahirkan pada 1983, di Kota Bharu, Kelantan. Temubual dijalankan di rumah beliau di Kubu Maras, Kota Bharu, Kelantan, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pengusaha batik.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
0.34	Nama dan nama gelaran.	Mardiana Bt Mat.
1.36	Umur dan tempat lahir.  Bilangan adik-beradik.  Tempat tinggal beliau..	32 tahun. Kota Bharu, Kelantan.  10 orang.  Kota Bharu.

2.42	Umur Suami dan bilangan anak. Tempat lahir suami beliau. Pekerjaan terdahulu suami beliau.	37 tahun. 4 orang. Patani, Thailand. Penjual kain Batik.
3.17	Hobi beliau.	Meluangkan masa bersama keluarga.
<b>BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN.</b>		
4.52	Nama sekolah .	Tadika Pe Chi. Sekolah Chong Cheng.
8.36	Pencapaian tertinggi beliau dalam bidang akademik.	Tamat persekolahan tingkatan 5.
8.43	Pendorong utama beliau dalam mendapatkan pendidikan. Idola beliau ketika di bangku sekolah.	Ibu dan bapa beliau. Ibu beliau.

9:02	Tahun terakhir beliau mendapatkan pendidikan.	Tahun 2000
<b>BAHAGIAN 3: PENGALAMAN BEKERJA.</b>		
9:47	Pekerjaan pertama selepas tamat persekolah.	Berkerja dengan ibunya di perusahaan serunding milik keluarnya.
11:00	Bentuk pekerjaan lain yang dilakukan.	Menjual emas di kedai milik ayahnya.
	Tahun mula bekerja.	Sejak zaman persekolahan.
<b>BAHAGIAN 4: BIDANG YANG DICEBURI.</b>		
16:49	Dari mana beliau bimbingan dalam bidang perniagaan batik.	Dari suami beliau.

17:13	Bagaimana Diana Batik mendapat nama?	Melalui nama beliau sendiri.
17:21	Adakah Diana Batik turut mempunyai anak syarikat yang lain?	Diana batik tidak mempunyai anak syarikat yang lain.
18:48	Bagaimanakah beliau mendapat modal bagi memulakan perniagaan?	Dengan meminjam wang dari ibunya untuk memulakan perniagaan.
20:45	Bilakah beliau terlibat dalam perniagaan batik?	Sejak tahun 2000
22:33	Dimanakah ibu pejabat syarikat puan?	Di bazar, kota Bharu.



25:44	Bagaimanakah tertubuhnya syarikat Diana Batik?	Melalui suami beliau.
27:27	Syarikat Diana Batik dimiliki secara tunggal atau perkongsian?	Syarikat ini dimiliki secara perkongsian bersama suami beliau.
34:50	Adakah Diana Batik mengenakan GST?	Tidak lagi buat masa sekarang.
<b>BAHAGIAN 5: PENGLIBATAN TOKOH DALAM BIDANG.</b>		
53.16	Adakah beliau akan membuka pejabat cawangan?	Tidak lagi buat masa sekarang.

53.37	Pasa masa akan datang syarikat Diana Batik akan mengembangkan lagi perniagaan batik.	InsyAllah
<b>BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN.</b>		
57.22	Pncapaian tertinggi yang pernah dicapai oleh syarikat Diana Batik.	Beliau berkata dari segi jualan merupakan pencapaian tertinggi syarikat pernah dicapai.
58.47	Pencapaian tertinggi yang pernah dicapai secara peribadi oleh beliau sendiri.	Beliau berkata dengan kemampuan beliau untuk membeli asset peribadi merupakan pencapaian tertinggi yang pernah dicapai olehnya.

**BAHAGIAN 7: PENDAPAT, PANDANGAN DAN NASIHAT.**

1:03:26	Pandangan beliau terhadap perusahaan batik di negara ini.	Beliau berkata kerajaan banyak membantu pengusaha batik dalam mengalakkan orang ramai membeli produk batik.
1:04:34	Saranan beliau pada mereka yang ingin mencaburi bidang perniagaan batik.	Beliau berkata mereka yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan ini perlu memiliki minat yang tinggi terhadap perniagaan dan batik.

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
10.00 pagi	20.5.2015	Panggilan telefon  Panggilan telefon dibuat ke atas salah seorang ahli keluarga tokoh bagi mendapatkn maklumat tentang tokoh	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan
11.30 pagi.	21.5.2015	Panggilan Telefon  Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah.	Maklumat diambil bagi mendapatkan persetujuan tokoh untuk ditemu bual
8.00 pagi.	22.5.2015	Panggilan Telefon  Membuat panggilan terakhir kepada tokoh bagi membuat kepastian tokoh mengenai kehadiran penemubual.	Memberitahu kepada pihak tokoh mengenai kehadiran penemubual ke rumahnya di Kubu Maras, Kota Bharu.
8.30 pagi.	22.5.2015	Memastikan segala kelengkapan untuk digunakan bagi sesi temuramah dalam keadaan baik dan siap untuk digunakan bagi sesi temuramah.	

9.00 pagi.	22.5.2015	Penemuramah memulakan perjalanan ke rumah tokoh di Kubu Maras, Kota Bharu, Kelantan.	
11.30 pagi.	22.5.2015	Kubu Maras, Kota Bharu, Kelantan. Penemubual tiba di rumah tokoh.	
11.40 pagi.	22.5.2015	Kubu Maras, Kota Bharu, Kelantan. Penemubual di sambut oleh keluarga tokoh dan di jemput masuk ke rumah tokoh.	
12.00 Tengah Hari	22.5.2015	Kubu Maras, Kota Bharu, Kelantan. Sesi wawancara pertama dimulakan.	Tokoh ditemubual oleh penemubual pertama (Mohamad Jefry)
12.52 Tengah hari	22.5.2015	Kubu Maras, Kota Bharu, Kelantan. Sesi wawancara pertama tamat.	Sesi wawancara tamat.

1.30 Petang.	22.5.2015	Kubu Maras, Kota Bharu, Kelantan.  Sesi wawancara kedua tamat.	Sesi wawancara tamat.
1.00 Petang.	22.5.2015	Kubu Maras, Kota Bharu, Kelantan.  Sesi wawancara kedua dimulakan.	Tokoh ditemubual oleh penemubual kedua (Ihssan Al Aminn)
1.35 Petang.	22.5.2015	Kubu Maras, Kota Bharu, Kelantan.  Penemubual menamatkan wawancara dan memberhentikan semua rakaman suara dan video.	Kesemua sesi temubual selesai.
1.40 Petang.	22.5.2015	Kubu Maras, Kota Bharu, Kelantan.  Penemubual dan tokoh mengambil gambar.	Gambar diambil sebagai bukti mengenai wawancara.
1.45 Petang.	22.5.2015	Kubu Maras, Kota Bharu, Kelantan.  Penemubual mengemas segala kelengkapan dan bersiap dan pulang.	

# SOALAN TOKOH

## SOALAN TOKOH

### A. Latarbelakang Peribadi

- Nama penuh
  - Asal usul
  - Mengenai suami & keluarga.
  - Hobi
1. Apakah nama puan?
  2. Berapakah puan?
  3. Dimanakah tempat kelahiran puan?
  4. Berapakah bilangan adik beradik puan?
  5. Puan anak yang keberapa?
  6. Dimanakah tempat tinggal Puan sekarang?
  7. Apakah nama suami Puan?
  8. Berapakah umur suami Puan?
  9. Berapakah bilangan ahli keluarga Puan?
  10. Anak Puan yang pertama umur berapa?(Anak yang seterusnya)
  11. Berapa lelaki dan berapa perempuan?
  12. Apakah hobi Puan.ketika masa lapang?
  13. Selain hobi yang Puan sebutkan tadi,adakah Puan mempunyai hobi yang lain?
  14. Dimanakah Puan sering meluangkan masa untuk melakukan perkara yang Puan minati?

## 2. Latar belakang Pendidikan

- Sekolah Rendah
  - Sekolah Menengah
  - Pengajian peringkat tertinggi (depends on your interviewee)
1. Dimanakah Puan mendapatkan pendidikan awal?(Sekolah rendah)
  2. Dimanakah Puan mendapatkan pendidikan di sekolah menengah?
  3. Apakah pencapaian tertinggi dalam bidang akademik Puan?
  4. Bagaimanakah kehidupan Puan ketika berada di bangku sekolah?
  5. Ketika di bangku sekolah, adakah Puan pernah menyandang apa-apa jawatan?
  6. Bagaimana Puan menjalani kelangsungan hidup ketika bergelar pelajar?
  7. Siapakah yang mendorong Puan sehingga mencapai tahap pendidikan tertinggi?
  8. Apakah yang membuatkan Puan berjaya mencapai tahap pendidikan tertinggi pada masa itu?
  9. Siapakah yang menjadi idola Puan ketika di bangku sekolah?
  10. Pada tahun berapakah Puan mula mendapat pendidikan?



### 3. Pengalaman Pekerjaan.

- Pekerjaan selepas tamat pengajian
  - Jawatan/Pangkat sebelum menyandang/terlibat dalam bidang sekarang.
  - Hal-hal berkaitan pekerjaan terdahulu yang berkaitan dengan bidang sekarang
1. Apakah bidang pekerjaan yang pertama Puan ceburi selepas tamat pengajian?
  2. Dimanakah Puan berkerja selepas tamat pengajian?
  3. Bagaimanakah kehidupan Puan ketika berkerja?
  4. Apakah yang membuatkan Puan memilih bidang tersebut?
  5. Apakah jawatan atau pangkat yang Puan sandang ketika dalam pekerjaan?
  6. Adakah jawatan atau pangkat tersebut memberi kesan dalam kehidupan Puan ketika itu?
  7. Apakah cabaran yang Puan tempuhi sepanjang bekerja?
  8. Apakah kesinambungan pekerjaan Puan yang terdahulu dengan bidang Puan ceburi kini?

4. Mengenai Bidang \_\_\_\_\_ (bidang/topik yang diceburi oleh Tokoh)

- Pengenalan mengenai \_\_\_\_\_
  - Sejarah/latarbelakang topik/bidang \_\_\_\_\_
1. Bagaimana Puan dapatkan bimbingan dalam perniagaan ini?
  2. Apakah falsafah perniagaan yang dipegang oleh Puan?
  3. Selain dari perusahaan batik, adakah Diana Batik mempunyai cabang lain dalam bidang perniagaan ini?
  4. Bagaimana Puan menentukan perjalanan untuk berjaya dalam bidang yang diceburi?
  5. Bagaimanakah Puan menentukan hala tuju pengurusan syarikat?
  6. Siapakah idola dalam bidang perniagaan Puan?
  7. Bagaimana Puan bermula dalam bidang perniagaan yg diceburi ini?
  8. Sepanjang Puan ceburi bidang perusahaan batik ini, apakah cabaran yang paling besar pernah Puan hadapi?
  9. Apakah rahsia Puan Berjaya dalam perusahaan ini?
  10. Apakah pekerjaan Puan sebelum terlibat dalam bidang perusahaan ini?
  11. Bagaimanakah tertubuhnya syarikat Diana Batik?
  12. Bolehkah Puan ceritakan serba sedikit latar belakang bagaimana mulanya perusahaan Diana Batik ini?
  13. Bilakah Diana Batik memulakan operasinya?
  14. Adakah Puan merupakan pemilik tunggal bagi perusahaan ini atau secara perkongsian?
  15. Bagaimanakah terhasilnya nama “Diana Batik” itu sendiri?
  16. Selain beroperasi di semenanjung Malaysia, adakah Diana Batik beroperasi di Sabah dan Sarawak?
  17. Adakah Diana Batik menyediakan urusan jual beli atas talian (online) ?

5. Mengenai Penglibatan Tokoh Dalam \_\_\_\_\_ (Bidang/Topik yang diceburi oleh Tokoh)

- Bila mula menceburi/melibatkan diri dalam bidang/topic
  1. Bagaimana Puan bermula dalam perusahaan batik ini?
  2. Boleh Puan ceritakan serba sedikit tentang perusahaan Puan ini?
  3. Berapa perolehan dalam sehari bagi perusahaan Puan ini?
  4. Adakah Diana Batik mempunyai kilang sendiri?
  5. Dimanakah lokasi kilang tersebut?
  6. Berapakah jumlah pekerja yang dimiliki Diana Batik?
  7. Berapakah jumlah pekerja?
  8. Berapa buah kilang/kedai dimiliki oleh Puan kini?
  9. Adakah Diana Batik mempunyai pejabat cawangan selain dari berpusat di Kota Bharu?
  10. Sudah berapa lamakah Diana Batik beroperasi?
  11. Adakah Diana Batik beroperasi bersama dengan Diana Batik?
  12. Adakah Diana Batik mempunyai anak syarikat yang lain?
  13. Boleh Puan senaraikan anak syarikat yang dimiliki oleh Diana Batik? (jika ada)
  14. Bilakah perusahaan batik/Diana Batik mula ditubuhkan?
  15. Apakah ciri-ciri pekerja yang diminati oleh Puan dalam menguruskan perusahaan Puan?
  16. Adakah Puan pernah bercadang untuk mengembangkan lagi perusahaan yang sedia ada ini?

## 6. Pencapaian/Penganugerahan dan Sumbangan

1. Apakah pencapaian tertinggi yang pernah dicapai oleh Diana Batik?
2. Apakah pencapaian tertinggi Puan sendiri sepanjang menerajui Diana Batik?
3. Apakah sumbangan yang pernah diberikan oleh Diana Batik sepanjang ia beroperasi?
4. Pada pemikiran Puan, apakah sumbangan terbesar yang pernah diberikan oleh Diana Batik sepanjang perkhidmatannya?
5. Bagaimana pula dengan sumbangan Puan dalam menerajui perusahaan batik ini?
6. Apakah langkah yang diambil oleh Puan dalam memastikan perusahaan ini sentiasa melepasi penanda aras yang telah ditetapkan?
7. Apakah sasaran Puan dalam mengekalkan prestasi dan pencapaian Diana Batik sepanjang beropersi?
8. Apakah penganugerahan yang pernah diterima oleh Diana Batik?
9. Adakah Puan sendiri pernah menerima sebarang penganugerahan sepanjang menjalankan perusahaan batik ini?

## 7. Pendapat/pandangan/nasihat.

- *Pendapat/pandangan/nasihat tokoh mengenai bidang/topik.*
  1. Apa pandangan Puan terhadap perniagaan terutamanya dalam perusahaan batik di Negara kita?
  2. Bagaimana cara untuk melibatkan diri dalam bentuk perniagaan yang diceburi oleh Puan?
  3. Apakah saranan Puan kepada mereka yang ingin menceburi bidang perniagaan?
  4. Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang ahli perniagaan yang berjaya seperti Puan?
  5. Bagaimanakah cara untuk seseorang itu untuk memulakan perniagaan?
  6. Pada pendapat Puan, adakah terlalu susah untuk seseorang itu memulakan perniagaan mereka sendiri?
  7. Apakah nasihat Puan kepada mereka dalam menjalankan perniagaan yang berskala besar?
  8. Apakah yang perlu ada pada seorang ahli perniagaan?
  9. Pada pandangan Puan, mampukah perusahaan batik berkembang dengan baik?
  10. Pada pendapat Puan, mampukah perniagaan berbentuk batik berkembang pesat seiring kemajuan di negara kita?
  11. Apakah nasihat Puan dalam mengatasi masalah persaingan antara pengusaha batik di negara kita?
  12. Pada pandangan Puan, apakah cara yang terbaik dalam mengekalkan prestasi perniagaan batik?



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan MARDIANA BT MAT Pada.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan. Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

  
.....  
Pengkisah (Tokoh)

  
.....  
Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.

LAMPIRAN 1



Gambar 1: Puan Mardiana bersama suami.

# RUJUKAN



## RUJUKAN

Mardiana Binti Mat, Personal communication, May 22<sup>nd</sup>, 2015

# INDEKS

## INDEKS

### **B**

Brunei, 4, 22, 25, 27

### **C**

Color, 31

### **D**

Diana Batik, 2, 18, 21, 22, 24, 25, 26, 27,  
28, 29, 30, 32, 34, 36, 37, 38, 40, 41,  
45, 46, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 59, 60,  
61, 69, 70, 71

### **G**

GST, 24, 25, 26, 46, 60

### **K**

Kedai Piah, 19

Kota Bharu, 2, 4, 6, 7, 8, 10, 15, 22, 36,  
56, 63, 64, 65

Kuala Lumpur, 17, 22, 30, 51

Kubu Maras, 4, 6, 7, 56, 63, 64, 65

### **S**

Salmah Serunding, 4, 11

Selinsing, 19

SPM, 11, 12, 13